

# MENINGKATKAN KESEDARAN SOSIAL: KAUNSELING DALAM MENANGANI MASALAH DISIPLIN

## **Penulis:**

Suhaizal Hashim  
Khairul Anuar Abdul Rahman  
Aspalaila Abdullah

## **E-mel:**

suhaizal@uthm.edu.my  
anuarr@uthm.edu.my  
aspa@uthm.edu.my

**Abstrak:** Buku ini terhasil berdasarkan hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai proses bimbingan dan kaunseling khususnya dalam menangani masalah disiplin yang mengikut arus perkembangan semasa terutamanya mengenai isu-isu pelajar di Malaysia sebagai panduan kepada para pendidik, pelajar dan juga ibu bapa. Sejalan dengan kehendak pendidikan abad ke-21 dan atas kesedaran bahawa masih ramai lagi golongan pendidik, ibu bapa dan pelajar di luar sana yang kurang pasti mengenai fungsi bimbingan dan kaunseling yang merupakan satu proses membantu orang ramai menemui dan mengembangkan potensi pendidikan, kerjaya dan psikologi mereka dan seterusnya mencapai tahap kebahagiaan peribadi dan kegunaan sosial yang optimum.

Bahan dalam penulisan buku ini adalah dikumpulkan daripada pelbagai sumber termasuk pengalaman penulis sendiri, buku-buku rujukan terkini, artikel dan laman web yang berkaitan tidak lupa juga idea dan pengalaman daripada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang mengikuti kursus Bimbingan dan Kaunseling.

Buku ini adalah berdasarkan persepsi dan pandangan peribadi penulis mengenai proses bimbingan dan kaunseling dalam menangani masalah disiplin pelajar berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sendiri. Oleh yang demikian buku ini amat sesuai dijadikan rujukan oleh golongan pendidik dalam menambah pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan pelbagai isu psikologi seperti cabaran dalam perkembangan pelajar, kesukaran mengawal tingkah laku pelajar, tekanan sosioemosi dan tekanan psikologi akibat peristiwa kritikal dan kerja.

**Kata kunci:** Ujian, kaunselor, sifat, teori



# Meningkatkan Kesedaran Sosial: **KAUNSELING** dalam Menangani **MASALAH DISIPLIN**

Suhaizal Hashim  
Khairul Anuar Abdul Rahman  
Aspalaila Abdullah



Penerbit  
**UTHM**

Meningkatkan Kesedaran Sosial:  
**KAUNSELING**  
dalam Menangani  
**MASALAH DISIPLIN**

Meningkatkan Kesedaran Sosial:  
**KAUNSELING**  
dalam Menangani  
**MASALAH DISIPLIN**

**Suhaizal Hashim**  
**Khairul Anuar Abdul Rahman**  
**Aspalaila Abdullah**

  
**Penerbit**  
**UTHM**  
**2024**

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis :  
Suhaizal Hashim  
Khairul Anuar Abdul Rahman  
Aspalaila Abdullah

Diterbit oleh :  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
Tel : 07-453 8529/ 8698  
Fax : 07-453 6145

Dicetak oleh:  
RAHMAN CETAK SDN. BHD  
No.28 Jalan PBS 14/11,  
Taman Perindustrian Bukit  
Serdang, 43300 Seri Kembangan,  
Selangor  
Tel: 019 - 387 3227 | 017 - 316 1361

Website : <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mail : [pemasaran.uthm@gmail.com](mailto:pemasaran.uthm@gmail.com)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah ahli  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia  
ISBN 978-629-490-084-4

# Kandungan

Prakata	ix
Pendahuluan	xiii

## **MASALAH DISIPLIN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Masalah Pelajar Melawan Guru	3
1.3	Masalah Buli Di Sekolah	7
1.4	Masalah Gangsterisme di Sekolah	16
1.5	Masalah Mencuri Dalam Kalangan Pelajar	23
1.6	Masalah Pelajar Ponteng Kelas	29
1.7	Masalah Pelajar Ponteng Sekolah	33
1.8	Masalah Laku Musnah	38
1.9	Masalah Merokok	45
1.10	Rumusan	51

## **TEORI-TEORI KAUNSELING**

2.1	Pengenalan	55
2.2	Teori Emosi Rasional	57
2.3	Teori Gestalt	60
2.4	Teori Eklektik	62
2.5	Teori Psikologi Individu Alfred Adler	64
2.6	Teori Tingkah Laku	67
2.7	Teori Realiti	70
2.8	Rumusan	72

## **CIRI-CIRI KAUNSELOR**

3.1	Pengenalan	75
3.2	Ciri-ciri Kaunselor	76
3.3	Rumusan	81

## **PROSES KAUNSELING**

4.1	Pengenalan	83
4.2	Prosedur dalam Proses Kaunseling	84
4.3	Rumusan	98

## **UJIAN PSIKOLOGI**

5.1	Pengenalan	101
5.2	Pemilihan dan Pentadbiran Ujian	102
5.3	Kesahan Ujian	105
5.4	Kebolehpercayaan Ujian	106
5.5	Kelebihan dan Limitasi dalam Penggunaan Ujian	107
5.6	Rumusan	110

## **CARA BIMBINGAN KAUNSELING DALAM MENGENDALIKAN MASALAH DISIPLIN**

6.1	Pengenalan	111
6.2	Perlaksanaan Bimbingan Kaunseling	112
6.3	Pendekatan Teori dalam Perancangan Penyelesaian Masalah	124
	<i>Penutup</i>	135
	<i>Rujukan</i>	137
	<i>Biodata Pengarang</i>	139
	<i>Indeks</i>	143

## SENARAI RAJAH

Rajah 1:	Contoh Kemusnahan Vandalisme	40
Rajah 2:	Hubungan dalam Teori Eklektik	62
Rajah 3:	Penilaian Tentang Sesuatu Kemahiran	108

## SENARAI JADUAL

Jadual 1:	Salah Laku Disiplin Pelajar Sekolah 2017	2
Jadual 2:	Jenis Perlakuan Buli Kepelbagaian Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kesahan Skor Ujian	10
Jadual 3:	Kejadian Kecurian yang Dilaporkan oleh Akhbar Tempatan Jenis-jenis Kebolehpercayaan	24
Jadual 4:	Laporan Salah Laku Disiplin Pelajar Sekolah Bagi Tahun 2017	35
Jadual 5:	Penerangan Ringkas Teori ABC	68
Jadual 6:	Kepelbagaian Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kesahan Skor Ujian	105
Jadual 7:	Jenis-Jenis Kebolehpercayaan	107

# Prakata

Buku ini terhasil berdasarkan hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai proses bimbingan dan kaunseling khususnya dalam menangani masalah disiplin yang mengikut arus perkembangan semasa terutamanya mengenai isu-isu pelajar di Malaysia sebagai panduan kepada para pendidik, pelajar dan juga ibu bapa. Seajar dengan kehendak pendidikan abad ke-21 dan atas kesedaran bahawa masih ramai lagi golongan pendidik, ibu bapa dan pelajar di luar sana yang kurang pasti mengenai fungsi bimbingan dan kaunseling yang merupakan satu proses membantu orang ramai menemui dan mengembangkan potensi pendidikan, kerjaya dan psikologi mereka dan seterusnya mencapai tahap kebahagiaan peribadi dan kegunaan sosial yang optimum.

Proses bimbingan dan kaunseling secara tidak langsung dapat meningkatkan disiplin dan prestasi akademik. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat cukup bukti yang kurangnya proses bimbingan dan kaunseling kepada pelajar membawa kepada masalah disiplin yang berlaku di sekolah. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan undang-undang dan dasar rangka kerja, kekurangan guru kaunselor terlatih dan terlalu banyak beban tugas guru sehingga menyukarkan proses bimbingan dan kaunseling yang sepatutnya berfungsi untuk membantu meningkatkan disiplin pelajar. Hal ini boleh dipertingkatkan dengan membina hubungan yang kukuh antara pelajar, kaunselor, guru dan

pentadbir sehingga mereka bebas bersuara tanpa memberi kesan kepada semua pihak.

Status proses bimbingan dan kaunseling telah ditetapkan di setiap sekolah-sekolah di Malaysia. Namun, kekurangan dan ketidakberkesanan proses bimbingan dan kaunseling ini telah menyumbang kepada masalah disiplin. Seterusnya, proses bimbingan dan kaunseling bukan sahaja untuk pelajar yang mempunyai masalah disiplin sahaja, tetapi juga memerlukan penglibatan semua pelajar. Selain itu, terdapat kekurangan kemudahan yang diperlukan untuk memupuk pelajar menjadi sebahagian daripada ahli yang berfungsi dalam masyarakat yang sentiasa berubah. Oleh itu, proses bimbingan dan kaunseling ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan disiplin pelajar. Secara khususnya, proses bimbingan dan kaunseling membantu pelajar untuk membuat keputusan yang realistik dan mengatasi defisit personaliti. Hal ini dapat membantu pelajar untuk belajar menangani kesukaran dan berfikir secara kritis tentang kehidupan dan masa depan mereka. Tambahan pula, proses ini mampu untuk meningkatkan kesedaran diri dan membawa perubahan dalam tingkah laku pelajar.

Bahan dalam penulisan buku ini dikumpulkan daripada pelbagai sumber termasuk pengalaman penulis sendiri, buku-buku rujukan terkini, artikel dan laman web yang berkaitan tidak lupa juga idea dan pengalaman daripada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang mengikuti kursus Bimbingan dan Kaunseling.

Buku ini adalah berdasarkan persepsi dan pandangan peribadi penulis mengenai proses bimbingan dan kaunseling dalam menangani masalah disiplin pelajar berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sendiri. Oleh yang demikian buku ini amat sesuai dijadikan rujukan oleh golongan pendidik dalam menambah

pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan pelbagai isu psikologi seperti cabaran dalam perkembangan pelajar, kesukaran mengawal tingkah laku pelajar, tekanan sosioemosi dan tekanan psikologi akibat peristiwa kritikal dan kerja.

*SUHAIZAL HASHIM*

*KHAIRUL ANUAR ABDUL RAHMAN*

*ASPALAILA ABDULLAH*

# Pendahuluan

Penulis ingin memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Yang Maha Pencipta kerana dengan limpah dan kurniaNya buku ini dapat disiapkan dan diterbitkan untuk pembaca khususnya golongan pendidik dan pelajar sebagai bakal guru. Hasil inisiatif penulis mengumpulkan bahan untuk dikongsi agar dapat membantu mereka untuk mendalami dan mengetahui ilmu dalam menguruskan pelbagai isu psikologi seperti cabaran dalam perkembangan pelajar, kesukaran mengawal tingkah laku, tekanan sosioemosi dan tekanan psikologi akibat peristiwa kritikal dan kerja serta boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Buku ini disusun dalam beberapa bab meliputi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran serta membantu menyampaikan kemahiran khusus dan peluang pembelajaran secara proaktif, pencegahan, memastikan semua pelajar boleh mencapai kejayaan di institusi pendidikan masing-masing melalui pengalaman akademik seterusnya dalam kerjaya dan pembangunan peribadi/sosial. Oleh itu, usaha untuk membangunkan disiplin dalam kalangan pelajar merupakan cabaran yang telah lama wujud bagi para pendidik.

Proses pendidikan di Malaysia kini berada pada persimpangan kritikal di mana ibu bapa dan pendidik kebanyakannya menumpukan kepada elemen kognitif pendidikan, manakala proses kemahiran khususnya dalam kehidupan kurang ditekankan atau dilupakan sama sekali daripada pengalaman pelajar di sekolah. Oleh itu, faedah melalui proses bimbingan dan kaunseling

secara menyeluruh ini secara tidak langsung dapat membantu menyedarkan masyarakat termasuk pelajar, ibu bapa, guru serta kaunselor di sekolah mengenai tugas dan tanggungjawab masing-masing. Akhir sekali, sebarang kekeliruan dan salah faham sekiranya buku ini dijadikan rujukan adalah atas tanggungjawab pembaca sendiri memandangkan penulisan ini adalah perkongsian pengetahuan daripada persepsi penulis sendiri.

*SUHAIZAL HASHIM*

*KHAIRUL ANUAR ABDUL RAHMAN*

*ASPALAILA ABDULLAH*

# Bab 1

## MASALAH DISIPLIN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH

### 1.1 Pengenalan

Institusi pendidikan merupakan penggerak utama dalam membentuk nilai murni dalam masyarakat serta membina dan membangunkan modal insan. Pendidik di sekolah rendah mahupun sekolah menengah bertanggungjawab mendidik murid-murid mematuhi peraturan dan disiplin sekolah. Disiplin sangat berkait dengan tatatertib, tatasusila, kesopanan dan akhlak.

Namun begitu, keruntuhan akhlak dan masalah disiplin dalam kalangan murid sekolah semakin serius dan membimbangkan. Masalah ini telah menjadi perdebatan hangat dalam kalangan warga sekolah. Namun begitu, situasi ini sering tidak diambil perhatian serius dengan alasan termasuklah berpunca dari faktor politik dan ekonomi setempat yang menyebabkan pandangan dari pakar dalam kalangan ahli akademik mengenai disiplin murid telah dipinggirkan oleh masyarakat. Pada tahun 2017, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan kenyataan bahawa lebih 400 buah sekolah di seluruh negeri berhadapan dengan masalah disiplin dalam kalangan murid. Antara salah laku disiplin pelajar sekolah ialah ponteng, merokok, salah laku, membuli, merosakkan harta

# Bab 2

## TEORI-TEORI KAUNSELING

### 2.1 Pengenalan

Kaunseling adalah proses interaksi yang membolehkan individu memahami diri dan situasinya. Proses ini akan menghasilkan pembentukan atau penjelasan matlamat dan nilai hidup individu sehingga mampu menentukan tindakan yang wajar pada masa hadapan. Kaunseling juga merupakan proses interaksi bersemuka antara seorang kaunselor profesional dengan klien yang membolehkan berlakunya perubahan pada diri klien. Objektif utama kaunseling adalah untuk membantu klien memahami dirinya yang sebenar, mengenal pasti kelebihan dan kekurangan diri, terutamanya apabila berhadapan dengan sesuatu isu yang memberi kesan terhadap kesejahteraan kehidupannya. Selain itu, proses kaunseling ini juga bertujuan untuk membantu menganalisis kaedah penyelesaian yang boleh digunakan dalam menyelesaikan pelbagai isu yang dihadapi. Kaunselor berperanan dalam mewujudkan perhubungan yang terbuka, mesra dan akrab dalam memastikan klien berasa selesa untuk menyatakan perasaan mereka secara sukarela. Kaunselor juga perlu memainkan peranan dalam membantu klien dalam mengubah pemikiran serta tingkah laku dan seterusnya membantu mereka untuk berubah ke arah yang lebih baik.

# Bab 3

## CIRI-CIRI KAUNSELOR

### 3.1 Pengenalan

Pengetahuan dalam bidang bimbingan dan kaunseling amat penting sebelum seseorang itu dapat mengesahkan dirinya sebagai seorang kaunselor bagi menghindarkan perkara yang tidak diinginkan berlaku (Rahim & Hulukati, 2021). Apakah itu bimbingan dan kaunseling? Ramai yang maklum berkenaan dengan kaunseling tetapi tidak ramai yang mengetahui sifat-sifat yang perlu diterapkan untuk menjadi seorang kaunselor yang baik.

Kursus kaunseling yang ada pada hari ini terutamanya di sekolah-sekolah adalah hasil daripada perbincangan banyak pihak, khususnya pihak sekolah dan pihak Kementarian Pendidikan Malaysia (KPM). Pada awal penubuhan kursus ini iaitu sekitar tahun 1969, KPM telah menghantar guru sekolah untuk mengikuti latihan formal yang dikendalikan oleh pihak kementerian sendiri. Seterusnya, kursus ini terus berkembang dengan bantuan daripada pelbagai pihak termasuk pihak kerajaan, namun khidmat itu gagal dimanfaatkan sepenuhnya kerana sikap pelajar yang kurang berminat untuk berjumpa dengan kaunselor.

Proses kaunseling yang berkesan telah dikenal pasti mempunyai kaitan dengan sifat-sifat kaunselor di samping kemahiran-

# Bab 4

## PROSES KAUNSELING

### 4.1 Pengenalan

Kaunseling dianggap sebagai satu kaedah atau medium yang penting dalam membantu masyarakat bagi berhadapan dan menyelesaikan masalah. Pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat pada hari ini dari segi aspek kewangan, keluarga, hubungan sosial, kerjaya dan sebagainya yang menyumbang kepada tekanan dalam kehidupan. Proses kaunseling merupakan satu usaha yang dapat membantu mereka mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi. Selain itu, proses kaunseling juga mampu untuk menolong individu dari keluar dari permasalahan serta dapat meringankan beban mereka.

Kaunseling merupakan suatu bidang yang berada sebaris dengan bidang ilmu yang lain seperti bidang psikologi, sosiologi dan ekonomi. Bidang ini dikenali dalam masyarakat sebagai proses menasihati dan pengaruhnya dapat dirasakan oleh seluruh masyarakat, walaupun tidak dilakukan secara sistematik seperti seperti nasihat orang tua kepada orang yang lebih muda. Antara masalah yang sering diluahkan adalah merangkumi masalah peribadi yang melibatkan tekanan perasaan, keluarga, di tempat kerja dan pembelajaran. Selain itu, ada juga yang meminta

# Bab 5

## UJIAN PSIKOLOGI

### 5.1 Pengenalan

Proses penilaian dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Malaysia mula mendapat perhatian dan permintaan daripada masyarakat khususnya dalam bidang kerjaya. Selain itu, di sekolah-sekolah dan di jabatan kerajaan yang tertentu telah diwujudkan jawatan kaunselor yang mana antara tanggungjawabnya adalah membantu individu yang mempunyai isu-isu berkaitan kerjaya. Di pusat-pusat pengajian tinggi pula, jawatan Kaunselor atau Pegawai Psikologi yang berfokus kepada pelajar juga sudah lama wujud dan berada lazimnya di Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Perkhidmatan yang mendapat sambutan biasanya adalah berkaitan dengan kerjaya yang merangkumi isu-isu berkaitan minat kerjaya, pemilihan kerjaya, membuat keputusan menyambung pengajian atau pun bekerja, teknik menghadapi temuduga, teknik menulis resume dan hal-hal lain. Masyarakat juga telah sedar bahawa proses kaunseling tidak hanya tertumpu pada perkhidmatan kaunseling mengenai hal-hal peribadi secara individu mahupun berkelompok, tetapi juga meliputi perkara-perkara yang melibatkan kerjaya seperti pemilihan kerjaya, pertukaran kerjaya, kepuasan kerjaya dan lain-lain.

# Bab 6

## CARA BIMBINGAN KAUNSELING DALAM MENGENDALIKAN MASALAH DISIPLIN

### 6.1 Pengenalan

Proses bimbingan dan kaunseling merupakan elemen penting dalam pengurusan disiplin dan kehidupan dalam kalangan masyarakat. Malah, masyarakat paling primitif sebelum ini juga berkembang dengan membimbing corak tingkah laku individu demi kepentingan kumpulan. Masyarakat sendiri tidak dapat berfungsi tanpa pelaksanaan disiplin. Proses bimbingan dan kaunseling bagi membantu meningkatkan disiplin ini haruslah diamalkan secara berterusan. Proses ini memerlukan kerjasama yang harmoni dari semua peringkat dalam masyarakat untuk mencapai kesejahteraan bersama. Umum memahami peranan yang dimainkan dalam kalangan komuniti guru dan pentadbiran sekolah bagi memastikan pelajar berkembang secara matang pada kadar yang berterusan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Pelajar adalah aset yang tidak ternilai dan berfungsi dalam menyumbang elemen penting dalam pendidikan. Oleh itu, tindakan yang proaktif dengan inisiatif yang berterusan oleh pihak sekolah sangat dihargai dalam membentuk modal insan yang holistik dan mampu berhadapan dengan situasi sukar pada masa akan datang.

## Penutup

Proses bimbingan dan kaunseling secara tidak langsung dapat meningkatkan disiplin dan prestasi akademik. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat cukup bukti yang kurangnya proses bimbingan dan kaunseling kepada pelajar membawa kepada masalah disiplin yang berlaku di sekolah. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan undang-undang dan dasar rangka kerja, kekurangan guru kaunselor terlatih dan terlalu banyak beban tugas guru sehingga menyukarkan proses bimbingan dan kaunseling yang sepatutnya berfungsi untuk membantu meningkatkan disiplin pelajar. Hal ini boleh dipertingkatkan dengan membina hubungan yang kukuh antara pelajar, kaunselor, guru dan pentadbir sehingga mereka bebas bersuara tanpa memberi kesan kepada semua pihak.

Berikut merupakan beberapa langkah yang boleh dipertimbangkan dalam proses bimbingan dan kaunseling bagi membantu mengawal masalah disiplin yang berlaku di sekolah:

- i. Pengetua atau Guru Besar di sekolah perlu menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling.
- ii. Menyediakan bilik khas di mana privasi dijadikan keutamaan. Ini akan menggalakkan lebih ramai pelajar untuk mengunjungi bilik tersebut.
- iii. Guru bimbingan dan kaunseling harus dilatih dengan baik tentang cara melaksanakan tugas masing-masing dengan menghadiri seminar dan bengkel untuk menambah baik kemahiran mereka.

- iv. Penyediaan bahan bimbingan dan kaunseling yang mencukupi serta peranan pembimbing rakan sebaya perlu dimaksimumkan.
- v. Perlu menjemput penceramah jemputan yang akan memberikan pendedahan tentang kepentingan perkhidmatan kaunseling kepada pelajar.
- vi. Inventori pelajar, buletin mengenai topik yang berbeza, buku panduan untuk peluang pendidikan, buku psikologi sosial, majalah psikologi perlu dibekalkan kepada pihak sekolah untuk menambah baik peranan unit bimbingan dan kaunseling sekolah.

Status proses bimbingan dan kaunseling telah ditetapkan di setiap sekolah-sekolah di Malaysia. Namun, kekurangan dan ketidakberkesanan proses bimbingan dan kaunseling telah ini telah menyumbang kepada masalah disiplin. Seterusnya, proses bimbingan dan kaunseling bukan sahaja untuk pelajar yang mempunyai masalah disiplin sahaja, tetapi juga memerlukan penglibatan semua pelajar. Selain itu, terdapat kekurangan kemudahan yang diperlukan untuk memupuk pelajar menjadi sebahagian daripada ahli yang berfungsi dalam masyarakat yang sentiasa berubah. Oleh itu, proses bimbingan dan kaunseling ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan disiplin pelajar. Secara khususnya, proses bimbingan dan kaunseling ini membantu pelajar untuk membuat keputusan yang realistik dan mengatasi defisit personaliti. Hal ini dapat membantu pelajar untuk belajar menangani kesukaran dan berfikir secara kritis tentang kehidupan dan masa depan mereka. Tambahan pula, proses ini mampu untuk meningkatkan kesedaran diri dan membawa perubahan dalam tingkah laku bagi pelajar.

# Bibliografi

- Bakare, O. O. (2022). *Parents' Perception of Disciplinary Practices, School Climate, and Parent Involvement: A Qualitative Case Study* (Doctoral dissertation, Northcentral University).
- Etum, S., Mydin, A. A., & Abdullah, A. G. K. (2021). Pengaruh Pengurusan Disiplin Sekolah, Tingkah Laku Buli Murid dan Estim Kendiri Murid Terhadap Kualiti Kehidupan Murid: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 303-312.
- Fisol, N. I. A., & Samuri, M. A. A. (2020). Perundangan Berkaitan Pendisiplinan Pelajar Sekolah Tahfiz di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(1), 54-71.
- Mohamad Amin, L. H., Hafiz, M. R. A., Kamarulzalis, M. N. A., Ibrahim, A. H., Taib, N. M., Ramlan, N. H., & Husin, M. R. (2019). Masalah Kecelaruan Tingkah Laku: Ponteng Sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2(1), 51-64.
- Muhamad, N. H. N., & Rashid, Z. A. (2017). Peraturan dan Undang-Undang Kawalan Disiplin Murid di Malaysia:(Regulations and Law on Governing Students Discipline in Malaysia). *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 1-11.
- Noor, A. N., Amat, S., & Bakar, A. Y. A. (2018). Efikasi Kendiri Kaunseling dan Kecekapan Kaunseling Pelbagai Budaya dalam Kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal Psikoedukasi dan Konseling*, 2(2), 14-21.

- Rahim, M., & Hulukati, W. (2021). Development of Handbooks of Guidance and Counselling to Enhance Elementary School Teachers' Competence in Cultivating Students' Creativity. *European Journal of Educational Research*, 10(2), 657-670.
- Setiawati, D. (2021). Guidance and Counselling Services to Improve Student Resilience. In *International Joint Conference on Arts and Humanities 2021 (IJCAH 2021)* (pp. 1180-1183). Atlantis Press.
- Welsh, R. O., & Little, S. (2018). The school discipline dilemma: A comprehensive review of disparities and alternative approaches. *Review of Educational Research*, 88(5), 752-794.
- Willie, S. J., & Bakar, A. Y. A. (2019). Keperluan Khidmat Bimbingan dan Kaunseling Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar: Satu Kajian Kes. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(1), 18-24.
- Yaacob, N. R. N. (2021). [Islamic Spiritual Orientation among Students with Disciplinary Problem] Orientasi Kerohanian Islam dalam Kalangan Murid Bermasalah Disiplin. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 48-59.

## Biodata Pengarang

**SUHAIZAL BIN HASHIM** ialah pensyarah bidang Teknologi Pendidikan di Jabatan Ikhtisas Pendidikan dan Siswazah, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik), Ijazah Sarjana dalam bidang Teknologi Pendidikan di samping memiliki Ijazah Kedoktoran juga dalam bidang Teknologi Pendidikan. Bidang pengkhususannya ialah dalam Teknologi Pendidikan dan juga Matematik. Beliau mempunyai sembilan tahun pengalaman mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan dan terlibat secara aktif melalui penyelidikan dalam bidang TVET, STEM dan teknologi pendidikan di pelbagai peringkat selama 5 tahun. Selain itu, beliau juga aktif menulis artikel berkaitan Pembelajaran Kolaboratif Berbantuan Komputer (CSCL), Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam konteks sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

**KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL RAHMAN** merupakan pensyarah dan ketua program Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Di lahirkan pada 6 Februari 1986 di negeri Johor dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar, Seremban. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik) daripada Universiti Teknologi Malaysia, mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia

dalam *Heating, Ventilation and Air Conditioning* (HVAC) tahap 3 dan sijil *Vocational Training Officer* (VTO). Beliau juga mempunyai kelulusan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional daripada Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2016. Beliau pernah berkhidmat sebagai seorang guru pada tahun 2009 sehingga tahun 2018. Beliau juga seorang penulis buku teks bagi mata pelajaran vokasional untuk subjek Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara Tingkatan 4 dan 5 edisi tahun 2020. Beliau juga membuat kajian-kajian berbentuk sains sosial dalam bidang STEM, bimbingan dan kaunseling serta disiplin pelajar.

**ASPALAILA BINTI ABDULLAH** merupakan seorang Timbalan Ketua Pegawai Psikologi di Pusat Kaunseling Universiti, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian dalam bidang Psikologi (UKM) dan Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling (UTM). Seterusnya beliau melanjutkan pengajian dalam bidang Psikologi dengan berfokus kepada Psikologi Industri Organisasi di peringkat Doktor Falsafah (UKM). Beliau telah berkhidmat sebagai Pegawai Psikologi di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sejak 2002 hingga kini (2022). Beliau telah diiktiraf sebagai Kaunselor Berdaftar dan mempunyai Perakuan Amalan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia di samping pengiktirafan dalam beberapa bidang psikologi dan kaunseling yang lain. Mempunyai pengalaman dalam organisasi yang mengendalikan isu-isu berkaitan kaunseling, kesihatan mental, pembangunan sumber manusia, latihan kepada organisasi dan juga pembangunan pelajar. Beliau juga mempunyai kemahiran dan kepakaran yang diiktiraf dalam pelbagai bidang kepakarannya seperti *Certified Practitioner NEO-CBT (Cognitive Behavioral Therapy)*, Akreditasi Ujian Psikologi Indikator Perwatakan Unggul (IPU), *Practitioner of Art Drawing-House Tree Person (AD-HHTTP:0180-P)*, *Certificate of Credentials* Ujian Psikologi Berjenama Sidek, Pensijilan Profesional *Myers-Briggs Type Indicator* (MBTI), Pensijilan Pengamal *Mindfulness Love Therapy* (MLT) dan lain-

lain lagi. Bidang tugas sebagai seorang Pegawai Psikologi tidak menghalang beliau untuk terlibat di dalam penyelidikan, dengan minat dan kemahiran yang ada beliau telah menjalankan penyelidikan, penulisan dan penerbitan dalam membantu pembangunan staf dan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

# Indeks

## K

Kebolehpercayaan ujian 106

Kesahan ujian 105

## P

Pendekatan Teori 56, 126

## S

Sifat seorang kaunselor 78

## T

Teori Eklektik 57, 62, 63

Teori Emosi Rasional 57

Teori Gestalt 56, 57, 60, 61, 126

Teori Psikologi Individu Alfred Adler 64

Teori Realiti 70, 71

Teori-teori kaunseling 57

Teori Tingkah Laku 67

# Meningkatkan Kesedaran Sosial: **KAUNSELING** dalam Menangani **MASALAH DISIPLIN**

Buku ini terhasil berdasarkan hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai proses bimbingan dan kaunseling khususnya dalam menangani masalah disiplin yang mengikut arus perkembangan semasa terutamanya mengenai isu-isu pelajar di Malaysia sebagai panduan kepada para pendidik, pelajar dan juga ibu bapa. Sejalan dengan kehendak pendidikan abad ke-21 dan atas kesedaran bahawa masih ramai lagi golongan pendidik, ibu bapa dan pelajar di luar sana yang kurang pasti mengenai fungsi bimbingan dan kaunseling yang merupakan satu proses membantu orang ramai menemui dan mengembangkan potensi pendidikan, kerjaya dan psikologi mereka dan seterusnya mencapai tahap kebahagiaan peribadi dan kegunaan sosial yang optimum.

Bahan dalam penulisan buku ini adalah dikumpulkan daripada pelbagai sumber termasuk pengalaman penulis sendiri, buku-buku rujukan terkini, artikel dan laman web yang berkaitan tidak lupa juga idea dan pengalaman daripada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang mengikuti kursus Bimbingan dan Kaunseling.

Buku ini adalah berdasarkan persepsi dan pandangan peribadi penulis mengenai proses bimbingan dan kaunseling dalam menangani masalah disiplin pelajar berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sendiri. Oleh yang demikian buku ini amat sesuai dijadikan rujukan oleh golongan pendidik dalam menambah pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan pelbagai isu psikologi seperti cabaran dalam perkembangan pelajar, kesukaran mengawal tingkah laku pelajar, tekanan sosioemosi dan tekanan psikologi akibat peristiwa kritikal dan kerja.



Sila imbas kod untuk maklumat lanjut

